

<https://www.facebook.com/ACISUiTMCNS/>

Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Cawangan Negeri Sembilan

BIL: 47/2022



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# Buletin

e-ISSN: 2600-8289

# ACIS

Safar - Rabi'ulawal 1444 / September 2022

## Hilangnya Sifat Amanah Antara Petanda Dunia Akhir Zaman

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

# Adakah Robot Sama Dengan Manusia?

Oleh:

**Husnul Rita Binti Aris**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Beberapa tahun yang lepas, penciptaan robot pertama (*humanoid robot*) yang menyerupai manusia di negara Arab iaitu negara Arab Saudi menjadi suatu kebanggaan buat negara tersebut. Robot tersebut diberi nama Sophia. Tidak dinafikan manusia bangga dengan ciptaan mereka yang hebat itu. Ramailah orang menyebutnya dan memuji penciptaan robot tersebut. Mereka merasa bangga dengan penciptaan terbaru mereka seolah-olah mereka merasakan mereka mampu mencipta sesuatu yang tidak terjangka.

Hari ini, apabila kita perhatikan teknologi *Artificial Intelligent* (AI) atau dikenali sebagai kecerdasan buatan telah banyak digunakan terutama di negara-negara maju. Ianya digunakan dalam pelbagai tujuan antaranya bagi tujuan pembuatan barangan, perkilangan, perkhidmatan dan lain-lain lagi. Begitu juga daripada zaman teknologi berwayar hinggalah zaman teknologi terkini tanpa wayar yang hanya menggunakan gelombang radio (*radio wave*).

Dengan adanya pelbagai teknologi yang mampu memudahkan urusan kerja-kerja manusia, kita tidak seharusnya lupa terhadap tujuan sesuatu itu diciptakan. Seharusnya manusia sedar dan berfikir bahawa penciptaan-penciptaan yang mereka buat, tidak seharusnya terlalu obses sehingga lupa terhadap Pencipta manusia sebenar.

Manusia harus sedar bahawa robot ciptaan manusia tidak mampu menandingi ciptaan Allah SWT yang sememangnya sangat hebat. Manusia patut berfikir bahawa apa yang mereka cipta adalah bertujuan untuk membantu dan memudahkan urusan berkaitan kehidupan manusia. Bukan bertujuan untuk melawan Allah atau membunuh manusia atau menandingi ciptaan Tuhan yang Maha Hebat.

**Namun demikian apabila kita membuat perbezaan antara robot dan manusia, terdapat banyak perbezaan.**

Robot tiada nyawa atau roh yang boleh menggerakkan fizikal robot tersebut kerana robot hanya bergantung kepada wayar atau elektrik atau bateri untuk terus bergerak. Ia juga memerlukan sistem atau program yang perlu dimasukkan dalam badan robot itu sendiri. Manakala manusia ciptaan Allah ini sangat hebat diciptakan roh, akal, nafsu, emosi yang telah wujud dalam badan manusia itu sejak lahir lagi.

Robot ciptaan manusia hanya mampu bertindak berlandaskan apa yang manusia telah tetapkan dalam sistem robot tersebut. Ia bertindak balas pula berasaskan kepada apa yang telah diprogramkan ke atas robot tersebut. Robot tiada nafsu, tiada akal seperti manusia, tiada emosi kecuali apa yang telah diprogramkannya.

Sememangnya robot tidak akan merasa jemu melakukan perkara yang sama kerana segalanya-galanya telah diprogramkan sepenuhnya oleh manusia yang menjadi pencipta robot tersebut. Sekiranya manusia menetapkan robot tersebut dengan tujuan yang baik, maka jadilah robot tersebut berfungsi ke arah kebaikan. Sekiranya robot tersebut diprogramkan untuk tujuan kejahatan, maka robot itu akan berfungsi menjalankan misi kejahatan tanpa sempadan. Itulah hakikat robot yang telah diprogram mengikut tujuan-tujuan tertentu dengan mengikut arahan yang diaturkan oleh manusia.

Namun berbeza dengan manusia, yang akan berasa jemu melakukan perkara yang sama berulang kali. Manusia mempunyai pelbagai emosi seperti gembira, bahagia, sedih, marah, kecewa dan lain-lain lagi. Manusia juga memiliki nafsu yang mendorong kepada kebaikan ataupun mendorong kepada kejahatan. Akal yang Allah kurniakan kepada manusia, mampu mendorong manusia untuk berfikir baik atau buruk tentang sesuatu sebelum bertindak melakukan sesuatu atau memilih atau pun mencipta sesuatu untuk sesuatu tujuan sama ada tujuan baik ataupun jahat.

Apabila kita membuat analogi bahawa manusia sangat gembira apabila berjaya mencipta sesuatu dan menjadi pujaan ramai, seharusnya manusia sedar bahawa Allah iaitu Tuhan yang Maha Pencipta manusia sepatutnya lebih kita puji dan mengucapkan kata-kata yang lebih



mulia terhadapNya seperti *Subhanallah* (Maha Suci Allah), *Allahu Akbar* (Allah Maha Besar), *Alhamdulillah* (Segala Pujian bagi Allah) dan lain-lain kata zikir dan pujian sepatutnya kita ucapkan bermula dengan hati, lidah dan perbuatan kita.

Tidak dinafikan bahawa seluruh makhluk Allah di muka bumi ini bertasbih (*Subhanallah*) kepada Allah. Memang kita tidak nampak, namun demikian dalam al-Quran al-karim, Allah SWT berfirman:

*“Dialah Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan Dia; Yang Menguasai (sekalian alam); Yang Maha Suci; Yang Maha Selamat Sejahtera (daripada segala kekurangan); Yang Maha Melimpahkan Keamanan; Yang Maha Pengawal serta Pengawas; Yang Maha Kuasa; Yang Maha Kuat (menundukkan segala-galanya); Yang Melengkapi segala KebesaranNya. Maha Suci Allah daripada segala yang mereka sekutukan denganNya. Dialah Allah, Yang Menciptakan sekalian*

*makhluk; Yang Mengadakan (dari tiada kepada ada); Yang Membentuk rupa (makhluk-makhlukNya menurut yang dikehendakiNya); bagiNya lah nama-nama yang sebaik-baiknya dan semulia-mulianya; bertasbih kepadaNya segala yang ada di langit dan di bumi dan Dialah yang tiada bandingNya, lagi Maha Bijaksana.*

(al-Hasyr: 23-24)

Berdasarkan ayat tersebut, Allah menerangkan bahawa seluruh makhluk ciptaanNya bertasbih kepadaNya (memuji Allah) sama ada di waktu siang atau malam di mana jua. Ini tidak dinafikan bahawa kehebatan Allah SWT sebagai Pencipta manusia dan makhluk di muka bumi inilah, maka Allah SWT lah jua paling layak untuk semua makhluk memujiNya dan tunduk serta patuh kepadaNya Tuhan yang Maha Esa berbanding manusia sebagai pencipta robot di dunia ini.